



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاَهْوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَري سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

01 SYAABAN 1446H / 31 JANUARI 2025M

“PERISTIWA ISRAK MIKRAJ DAN PENGAJARANNYA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH JUMAAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي
بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾ (الإسراء: 1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِالتَّقْوَى اللَّهِ.

فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Sesungguhnya agama Islam adalah agama yang diredai dan diperakui Allah Yang Maha Esa, Tuhan sekalian makhluk. Justeru marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan menunaikan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga ketaatan kita kepada Allah menjadikan kita Muslim yang mulia dan beruntung di sisi-Nya pada hari akhirat kelak.

Sempena memperingati peristiwa agung Israk Mikraj pada tarikh 27 Rejab bagi setiap tahun, maka khutbah pada hari ini akan memperkatakan **“Peristiwa Israk Mikraj dan Pengajarannya.”**

SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu peristiwa penting dalam sejarah Islam yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW. Ia menjadi salah satu pembuktian keimanan terhadap kebenaran Nabi SAW dan merupakan antara mukjizat Baginda SAW. Sebahagian besar penduduk Makkah pada ketika itu tidak mempercayai apa yang telah di alami oleh Baginda Nabi SAW namun, keimanan Saidina Abu Bakar RA tidak sedikit pun goyah, malahan bertegas dengan katanya *“Demi Allah, jika itulah yang Nabi Muhammad SAW katakan, sungguh dia berkata benar. Demi Allah, sesungguhnya dia pernah memberitahuku mengenai kedatangan wahyu kepadanya menerusi Jibril AS pada mana-mana waktu, malam ataupun siang, terus aku mempercayainya dan aku bersaksi bahawa beliau adalah utusan Allah yang sebenarnya.”*

Peristiwa Israk Mikraj ini, berlegar antara dua Masjid besar iaitu Masjid al-Haram di Makkah dan Masjid Al-Aqsa di Palestin, sebelum Baginda SAW dinaikkan ke langit. Peristiwa ini antara lain bertujuan untuk memperlihatkan kepada Baginda SAW tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Allah SWT. Dan ia terdiri daripada dua babak utama, iaitu Israk dan Mikraj.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Israk bererti perjalanan malam Nabi SAW dengan ditemani malaikat Jibrail AS dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis. Peristiwa ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Israa' ayat 1 yang telah dibacakan di awal khutbah ini, yang **bermaksud**: *“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”*

Manakala Mikraj pula adalah naik ke langit, di mana Nabi bertemu dengan Allah SWT untuk menerima wahyu perintah solat lima waktu sehari semalam. Bukti Baginda SAW naik ke langit sehingga ke Sidratul Muntaha telah dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah an-Najm ayat 13-14:-

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (Malaikat Jibril dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi.” “Di sisi Sidratul Muntaha.”*

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Kedua-dua peristiwa luar biasa ini mengandungi pengajaran tertentu terhadap perkembangan kehidupan umat Islam, baik dari segi agama, sosial, politik, dan budaya. Melalui peristiwa Israk Mikraj ini, Nabi SAW diperlihatkan pelbagai keadaan manusia untuk dijadikan iktibar, antaranya:

Pertama, Nabi SAW menyaksikan bagaimana seseorang hidup dengan penuh kemakmuran dan mendapat hasil yang melimpah ruah tanpa had. Ia adalah gambaran mereka yang memberikan sedekah kepada yang berhajat.

Kedua, Baginda diperlihatkan kepada golongan yang memukul kepalanya sendiri hingga berdarah dan pecah, kelakuan tersebut berterusan dilakukan tanpa henti. Ia adalah gambaran sesiapa yang sengaja meninggalkan kewajipan solat.

Ketiga, Rasulullah SAW juga diperlihatkan gelagat orang yang dihidangkan daging yang lazat untuk dijadikan makanan, tetapi memilih daging yang mentah lagi busuk untuk dimasukkan ke dalam mulutnya. Ia sebagai gambaran golongan yang melakukan perzinaan sedangkan telah mempunyai pasangan yang dihalalkan oleh Syarak.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH

Kesemua gambaran peristiwa yang ditunjukkan kepada Rasulullah SAW itu mengandungi pengajaran dan ibrah kepada kita semua demi menguatkan lagi keimanan kepada Allah SWT. Peristiwa Israk dan Mikraj menitipkan beberapa pengajaran hakiki yang lain seperti mana berikut:-

Pertama, Pengukuhan Keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya.

Peristiwa ini menunjukkan kebesaran Allah SWT dan kekuasaan-Nya yang luar biasa. Ia memberi pengajaran kepada umat Islam bahawa Allah Maha Berkuasa atas segala-galanya, sehingga melibatkan perjalanan yang tidak dapat dicapai oleh akal manusia biasa.

Kedua, Kewajipan Solat Lima Waktu.

Salah satu aspek terpenting dalam peristiwa Mikraj adalah perintah untuk menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Ini membawa kesan besar terhadap amalan ibadah dengan menjadikan solat sebagai tiang agama dan paksi utama dalam kehidupan spiritual umat Islam bagi mencegah perbuatan-perbuatan keji dan mungkar.

Ketiga, Peningkatan Martabat Nabi Muhammad SAW.

Israk dan Mikraj meningkatkan martabat Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan pembawa wahyu. Dalam perjalanan ini, Nabi Muhammad bertemu dengan para nabi terdahulu seperti Nabi Ibrahim, Nabi Musa, dan Nabi Isa AS. Ini mengukuhkan kedudukan Nabi Muhammad sebagai penutup segala nabi dan rasul. Manakala, pertemuan dengan Allah SWT pula menunjukkan keistimewaan dan kedudukan Nabi Muhammad dalam agama Islam.

Keempat, Pengajaran Moral dan Ketahanan Mental.

Peristiwa Israk dan Mikraj turut mengajarkan umat Islam untuk bersabar dan tabah menghadapi ujian. Ini kerana menurut sejarahnya, peristiwa ini berlaku selepas Nabi Muhammad menghadapi banyak cabaran, termasuk penolakan keras terhadap dakwahnya di Makkah dan kesedihan akibat kehilangan isteri dan bapa saudara yang tercinta. Perjalanan inilah yang memberi semangat serta ketenangan kepada Rasullulah dan umat Islam ketika itu.

Kelima, Meningkatkan Penghargaan terhadap Masjid.

Sebagai sebahagian daripada perjalanan Israk, Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis menjadi tempat yang sangat dihormati dalam Islam. Ini memberi

kesan kepada pengukuhan peranan masjid dalam tamadun Islam, bukan hanya sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat pendidikan, sosial, dan kebudayaan dalam masyarakat Muslim.

Keenam, Keterikatan antara Langit dan Bumi dalam Kehidupan Umat Islam.

Peristiwa Mikraj memberi gambaran tentang hubungan yang rapat antara dunia ini (bumi) dengan alam akhirat. Perjalanan tersebut memperlihatkan kehidupan selepas mati dan kesannya terhadap amal soleh umat Islam. Hal ini memberi kesan mendalam dalam membentuk pandangan dunia umat Islam yang mengutamakan kesejahteraan di dunia dan juga kesejahteraan di akhirat kelak.

Ketujuh, Simbol Penyatuan Umat Islam.

Peristiwa Israk dan Mikraj turut menunjukkan simbol penyatuan umat Islam. Dalam perjalanan Israk, Nabi Muhammad SAW memimpin solat berjemaah di Masjidil Aqsa, yang dihadiri oleh para nabi terdahulu. Ini menggambarkan pentingnya persatuan dalam kalangan umat Islam, selain memperkenalkan konsep ukhuwah Islamiah yang menghubungkan umat Islam di seluruh dunia.

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH

Menyimpul bicara perihal khutbah yang diketengahkan ini, jelaslah bahawa peristiwa Israk dan Mikraj bukan sekadar satu peristiwa ajaib, tetapi ia memberikan kesan dalam memperkukuh keimanan umat Islam, mengatur amalan ibadah utama (solat), dan mengeratkan hubungan antara umat Islam dengan Allah serta sesama umat Islam.

Maka, bagi mengharungi kehidupan dalam keadaan yang penuh mehnah dan tribulasi ini, marilah kita kuatkan tekad dan azam untuk memperkukuhkan keimanan serta ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, dengan memberi penekanan kepada ibadah khusus seperti solat fardu lima waktu. Laksanakanlah perintah Allah SWT seperti yang ditegaskan-Nya menerusi surah Taha ayat 132 yang **bermaksud**: *“Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ الْوُغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat

secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.